

TARIKH: 17/1/2023

SURAT KHABAR: Kosmo Selasa

MUKA SURAT: 8

Wanita hamil didakwa tipu penjana Perkeso

MELAKA – Tiga majikan syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM147,400.

Tertuduh, Muhammad Hafizi Ab. Jamal, 33; Asmida Shahfika Abdul Rahman, 25, dan Nurul Ain Shamdudin, 30, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Muhammad Hafizi yang merupakan pengurus Syarikat Rizky H&I Global didakwa mengemukakan senarai nama pekerja tidak wujud bagi menuntut insentif berjumlah RM74,600.

Asmida yang juga pemilik Syarikat Roti Warisan Enterprise dan Nurul Ain iaitu pengurus Syarikat Zaharain

Enterprise juga didakwa atas kesalahan sama melibatkan tuntutan masing-masing RM36,900 dan RM35,900.

Sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun atau denda lima kali ganda nilai tuntutan.

Pegawai Pendakwa, Ikhwan Zaudi Nordin Mohd. Yasri Yahya mencadangkan jaminan RM15,000 ke atas Asmida dan Nurul Ain, manakala RM40,000 terhadap Muhammad Hafizi.

Peguam Hafizah Sani yang mewakili dua tertuduh wanita memohon jumlah itu dikurangkan kerana Asmida hamil anak ketiga, manakala Nurul Ain membantu suami bermiaga dengan pendapatan RM2,500.

Mahkamah membenarkan dua wanita itu diikat jamin RM8,000 seorang. Sebutan semula kes ditetapkan pada 16 Februari ini.



NURUL AIN (depan, tengah) dan Asmida (belakang, tengah) diiringi pegawai SPRM selepas didakwa di Mahkamah Sesyen Melaka, Ayer Keroh semalam. – SYAFEEQ AHMAD

Kosmo Selasa 17/1/2023

Negara m/s 8